



SIARAN AKHBAR JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

- Berikutan dengan kenyataan Kementerian Kesihatan semasa Sidang Media pada 11 Ogos 2021 mengenai langkah-langkah pengawalan yang diperketatkan semula di Negara Brunei Darussalam berkaitan Situasi Terkini Jangkitan COVID19 dan nasihat-nasihat Kementerian Kesihatan, dengan ini Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan merujuk semula Siaran Akbar Jabatan bertarikh 30 Zulhijjah 1442 bersamaan dengan 09 Ogos 2021 dan ingin membuat pengemaskinian mengenai operasi kaunter-kaunter perkhidmatan dan pembayaran di Jabatan Tanah.
- Makluman pengemaskinian perkhidmatan bagi Jabatan Tanah dan cawangan-cawangan Pejabat Tanah Daerah adalah seperti berikut:

Bil	Cawangan Pejabat Tanah	Jenis Perkhidmatan	Pembayaran	Kaunter
1.	Pejabat Tanah Brunei dan Muara	- Pindah Milik Tanah - Tukar Syarat Khas Tanah - Gadaian - Memajak Tanah - Persendirian - Membaharui Tempoh Pajakan - Keterangan Maklumat Tanah	- Cukai Tahunan Tanah - Lesen Tumpang Sementara (LTS) - Duti Setem - Premium - Royalti - Lain-lain pembayaran	Ditutup sementara bermula pada 09 Ogos 2021 sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian
2.	Pejabat Tanah Tutong	- Mengganti Geran - Pemecahan dan Penyatuan Tanah - Pendaftaran Tuntutan Waris - Kaveat - Taksiran Tuntutan Waris, Skim Pinjaman Kerajaan (Housing Loan)		
3.	Pejabat Tanah Belait	- Memajak Tanah Kerajaan - Menghalakan Saliran ke Tanah Kerajaan - Jalan Laluan di Atas Tanah Kerajaan - Lain-lain permohonan		
4.	Pejabat Tanah Temburong			

- **Bagi Permohonan Pindah Milik Tanah Dan Pembayaran Duti Setem Pindah Milik Tanah**

Bil	Status Permohonan	Ketetapan
1.	Permohonan baru diterima oleh Jabatan Tanah dan telah menerima teks pesanan ringkas [SMS] melalui talian 39999 untuk menghadiri perjanjian penandatanganan Penyata Pindah Milik [Memorandum Of Transfer - M.O.T] dan dikehendaki untuk menjelaskan tuntutan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan iaitu dua [2] minggu daripada tarikh menerima SMS.	Permohonan tidak akan dibatalkan dan pemohon tidak akan dikenakan penalti kelewatan membayar duti setem sepanjang tempoh tempoh penutupan kaunter.
2.	Pemohon yang menerima teks pesanan ringkas [SMS] melalui talian 39999 untuk memaklumkan Permohonan Pindah Milik telah diluluskan dan dikehendaki untuk menjelaskan tuntutan duti setem dalam tempoh yang ditetapkan iaitu dua [2] minggu daripada tarikh menerima SMS	Pemohon tidak akan dikenakan penalti kelewatan membayar duti setem sepanjang tempoh penutupan kaunter.
Pemohon-pemohon akan dimaklumkan melalui teks pesanan ringkas [SMS] melalui talian 39999 untuk menghadiri perjanjian baru dan membuat pembayaran duti setem setelah kaunter-kaunter dibuka semula.		

- Penerimaan permohonan-permohonan urusan tanah lain adalah ditangguhkan sehingga kaunter-kaunter dibuka semula.
- Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang www.tanah.gov.bn dan sebarang pertanyaan am bolehlah menghubungi di talian seperti berikut:

Bil.	Cawangan Pejabat Tanah	Nombor Perhubungan
1.	Pejabat Tanah Brunei dan Muara	238 1181 atau 238 3182/3/4/5/6/7
2.	Pejabat Tanah Tutong	422 1372
3.	Pejabat Tanah Belait	333 1542
4.	Pejabat Tanah Temburong	522 1248

- Kerjasama dan perhatian orang ramai adalah sangat-sangat diharapkan bagi sama-sama melaksanakan tanggungjawab mencegah jangkitan dan wabak.
- Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi.

Sekian disampaikan.

Jabatan Tanah

Kementerian Pembangunan

Hari Khamis, 10 Muharram 1443H / 19 Ogos 2021M

Rujukan: 216/CL/32/42/PT.1